

LAPORAN KES PENDAKWAAN

Sinar Meta Electrical (KL) Sdn Bhd (OKS) telah dituduh di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur bagi tujuh (7) pertuduhan di bawah subperaturan 97(1)(b) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 atas kesalahan menjual kelengkapan voltan rendah yang dijual secara langsung kepada orang awam yang tidak diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga. Pada 30 Ogos 2024, OKS telah mengaku bersalah terhadap enam (6) pertuduhan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman berjumlah RM6400.00 bagi keenam-enam pertuduhan. OKS telah membayar denda tersebut. Mahkamah juga telah membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk menarik balik satu pertuduhan terhadap OKS dan memerintahkan OKS dilepaskan tanpa dibebaskan bagi pertuduhan tersebut.